



كِرَاءَانْ نَغَرِي كَدَاهْ دَارُْلْ اَمَانْ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mail : pkpk@kedah.gov.my

كِدَاهْ سَجَاهْتِ
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj.Kami Bil (73) dlm. P.Kw.N(K) 0190/PKPK/1-2024

Tarikh: 23 Jamadilakhir 1446H
29 Disember 2024

Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Kedah Darul Aman.

SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PERMAKLUMAN BERKAITAN PENGESAHAN AHLI JAWATANKUASA SEBUTHARGA, AHLI JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA DAN AHLI JAWATANKUASA TENDER OLEH PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KEDAH BAGI PEROLEHAN YANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan semua jabatan-jabatan yang melaksanakan perolehan secara kaedah **SEBUTHARGA, RUNDINGAN TERUS dan TENDER** yang menggunakan peruntukan **NEGERI KEDAH** adalah diarahkan untuk mengemukakan permohonan bagi pengesahan pelantikan Ahli Jawatan Kuasa Sebutharga dan Ahli Jawatan Kuasa Rundingan Harga dan Jawatan Kuasa Perolehan Tender kepada Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2025.

3. Untuk makluman SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan, jabatan adalah dibenarkan untuk membuat pengesahan Ahli Jawatankuasa Mesyuarat seperti ketetapan berikut:

- i) **Pelantikan AHLI JAWATAN KUASA SEBUTHARGA untuk tempoh 1 tahun bagi tahun semasa dengan merujuk kepada PK 2.9.**
- ii) **Pelantikan AHLI JAWATAN KUASA RUNDINGAN HARGA untuk tempoh 1 tahun. Pengesahan pelantikan AJK juga boleh dibuat mengikut setiap tajuk perolehan yang dilaksanakan. Kelulusan ini mestilah diperolehi sebelum mesyuarat yang berkaitan dilaksanakan. Proses Perolehan yang berkaitan mestilah merujuk PK 2.4.**

- iii) Pelantikan untuk semua JAWATAN KUASA PEROLEHAN TENDER jabatan iaitu Jawatan Kuasa Spesifikasi Tender, Jawatan Kuasa Pembuka Tender dan Jawatan Kuasa Penilaian Tender mestilah merujuk kepada PK 2.2.
- iv) Mana-mana perolehan secara kaedah Rundingan Terus Dengan Rundingan Harga yang menggunakan peruntukan di bawah Pejabat Kewangan & Perbendaharaan Negeri Kedah iaitu Pegawai Kewangan Negeri adalah sebagai Pegawai Pengawal maka Ketua Jabatan mestilah memohon kebenaran penurunan kuasa daripada Pegawai Kewangan Negeri Kedah terlebih dahulu bagi mempengerusikan mesyuarat. Surat Penurunan kuasa ini mestilah diperolehi sebelum Mesyuarat Rundingan Harga yang berkaitan dilaksanakan.
- v) Jabatan mestilah memastikan Pegawai Kewangan Negeri Kedah atau wakil adalah dilantik sebagai salah seorang daripada Ahli Jawatan Kuasa bagi JAWATAN KUASA PEMUTUS SEBUT HARGA dan JAWATAN KUASA RUNDINGAN HARGA jabatan. Kehadiran Pegawai Kewangan Negeri/ wakil adalah dibenarkan secara fizikal atau secara atas talian.
- vi) Jabatan mestilah mengemukakan surat jemputan mesyuarat dalam tempoh 3 hari sebelum mesyuarat tersebut dilaksanakan. Surat jemputan kepada Pegawai Kewangan Negeri boleh dihantar melalui emel pkpk_perolehan@kedah.gov.my atau secara pdf whatsapp kepada Ketua Unit Perolehan, PKPK bagi membolehkan kehadiran pegawai dapat diuruskan dengan lebih teratur.

4. Bersama-sama ini disertakan garis panduan pelantikan Jawatan Kuasa perolehan yang berkaitan seperti di Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C sebagai rujukan.

5. Sehubungan dengan itu, kepada jabatan yang telah mengambil tindakan lebih awal pentadbiran ini mengucapkan ribuan terima kasih dan segala kerjasama yang baik daripada pihak SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah disanjung tinggi.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' WIRA HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN,
DGWK.,DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)**
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.

- s.k. 1. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.
2. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan).

LAMPIRAN A

PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA SEBUT HARGA

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 2.9 perkara 18. Jawatankuasa Sebut Harga, para 18.1 Penubuhan dan keahlian Jawatankuasa Sebut Harga yang berkuat kuasa maka Ketua Jabatan selaku Pegawai Pengawal hendaklah membuat pelantikan pengerusi dan ahli jawatankuasa Rundingan Harga seperti struktur di bawah:-

a) Pengerusi

Pegawai Pengawal atau

mana-mana Pegawai Gred 52 ke atas yang diwakil kuasa oleh Pengerusi

b) Ahli

1. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman atau wakil
2. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah atau wakil atau
3. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah atau wakil atau Pegawai Teknikal daripada Jabatan Teknikal yang berkaitan atau Penolong Jurutera Jabatan Gred 41 ke atas
(yang tidak terlibat dengan perolehan yang memerlukan keputusan)

atau

Mana-mana pegawai Gred 41 ke atas bagi mencukupkan korum dari bahagian lain jabatan
(hendaklah disenaraikan)

c) Setiausaha

- Penolong Pegawai Tadbir

d) Urusetia

- Dua (2) orang dari Unit Perolehan Jabatan



DATO' WIRA HAJI SYED KHAIRUL ANUAR BIN SYED ABIDIN
DGWK, DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

LAMPIRAN B

PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK2.4 Rundingan Terus Perkara 5. Kaedah Melaksanakan Rundingan Harga item iv (Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang dilantik oleh Pegawai Pengawal secara bertulis) dan v (Pelantikan Ahli Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal) maka Ketua Jabatan selaku Pegawai Pengawal hendaklah membuat pelantikan pengerusi dan ahli jawatankuasa Rundingan Harga seperti struktur di bawah:-

a) Pengerusi

- Pegawai Pengawal

b) Ahli

- Wakil Pegawai Kewangan Negeri Kedah
- Wakil Jabatan Kerja Raya Gred 41 ke atas
- Wakil Jabatan Pengairan dan Saliran Gred 41 ke atas

atau bagi tajuk perolehan yang berkaitan

- Pegawai Agama Daerah @ Wakil Gred 41 ke atas
- Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat @ Wakil Gred 41 ke atas
- Pengarah Perhutanan Negeri Kedah @ Wakil Gred 41 ke atas
- Pengarah Pertanian Negeri Kedah @ Wakil Gred 41 ke atas
- Pegawai Jabatan Gred 41 ke atas

c) Setiausaha

- Penolong Pegawai Tadbir

d) Urusetia

- Dua (2) orang dari Unit Perolehan Jabatan



DATO' WIRA HAJI SYED KHAIRUL ANUAR BIN SYED ABIDIN
DGWK., DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

LANTIKAN AHLI JAWATAN KUASA TENDER

- Menurut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.2

1. PENILAIAN TENDER BEKALAN/PERKHIDMATAN

- Penilaian secara 2 Peringkat

- i) Penilaian Peringkat 1 – dilaksanakan oleh JK Penilaian merangkumi Penilaian Teknikal dan Kewangan.
- ii) Penilaian Peringkat 2 – dilaksanakan oleh 2 Jawatan kuasa
 - Penilaian Teknikal oleh JK Penilaian Teknikal
 - Penilaian Kewangan oleh JK Penilaian Kewangan

a) Jawatan Kuasa Spesifikasi Tender

b) Jawatan Kuasa Pembuka Tender

- Pelantikan secara bertulis oleh Ketua Jabatan
- Sekurang-kurangnya 3 orang pegawai
- 2 orang PPP & 1 orang dari pegawai gred yang lain atau daripada Bahagian/Unit lain

c) Jawatan Kuasa Penilaian Tender

Perkara	Keterangan	Catatan
Jawatan Kuasa Penilaian Tender	• Sekurang-kurangnya 3 orang pegawai • Pengerusi (PPP) • 2 orang pegawai termasuk wakil daripada agensi yang berkaitan • Setiausaha bukan dari kalangan AJK	➤ Pengerusi JK Spesifikasi tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi JK Penilaian Teknikal ➤ AJK mestilah terdiri daripada pegawai yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan tentang bahagian/perkhidmatan tersebut. ➤ Sekiranya tiada pegawai dalaman boleh melantik pegawai mahir daripada jabatan lain (JKR, JPS, Jabatan Kimia, Jabatan Veterinar, MAMPU, FRIM & sebagainya)



DATU' WIRA HAJI SYED KHAIRUL ANUAR BIN SYED ABIDIN
 DGWK., DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.
 Pegawai Kewangan Negeri
 Kedah Darul Aman

Jawatan Kuasa Penilaian Kewangan/ Harga	• Sekurang-kurangnya 3 orang pegawai • Pengerusi (PPP) • 2 orang pegawai termasuk wakil daripada agensi yang berkaitan • Setiausaha bukan dari kalangan AJK	➤ Pengerusi JK Spesifikasi tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi JK Penilaian Kewangan. Pengerusi JK Spesifikasi boleh menjadi AJK Penilaian Kewangan. ➤ Pengerusi atau AJK Penilaian Teknikal tidak boleh menjadi AJK Penilaian Kewangan.
--	--	--

2. PENILAIAN TENDER KERJA

- Kecuali Tender yang berasaskan konsep *Design & Build* boleh dibuat oleh 1 Jawatan Kuasa Penilaian sahaja.
- Tidak kurang dari 3 orang pegawai. Pengerusi dan sekurang-kurangnya seorang Ahli dari Kumpulan PPP.
- Salah seorang AJK Penilaian hendaklah seorang Juruukur Bahan atau pegawai teknikal dalam bidang yang berkaitan dengan kerja tersebut.



DATO' WIRA HAJI SYED KHAIRUL ANUAR BIN SYED ABIDIN
 DGWK, DSDK, SDK, AMK, BCK, ASK.
 Pegawai Kewangan Negeri
 Kedah Darul Aman